

KENYATAAN MEDIA

Siaran segera

JPDC SAMBUT BAIK PENETAPAN KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU PENGERANG SEBAGAI HAB PEMBANGUNAN SEKTOR KIMIA DAN PETROKIMIA

13 Oktober 2023, Johor Bahru – Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) merakamkan ucapan terima kasih dan menyambut baik pengumuman oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia tentang penetapan **Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC)** sebagai hab pembangunan sektor kimia dan petrokimia dengan pemberian pakej galakan cukai dalam bentuk kadar cukai khas atau elaun cukai pelaburan dalam Belanjawan 2024 yang dibentangkan di Parlimen pada 13 Oktober 2023.

Pakej galakan cukai tersebut akan meningkatkan daya tarikan dan daya saing PIPC sebagai destinasi pelaburan, khususnya dalam menarik syarikat-syarikat petrokimia dan kimia Malaysia dan antarabangsa untuk menempatkan operasi mereka di PIPC, sejajar dengan sasaran Kerajaan Malaysia membentuk ekosistem aktiviti ekonomi bernilai tinggi.

Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) adalah kawasan industri hiliran minyak dan gas dan industri petrokimia seluas 22,904 ekar (9,269 hektar atau 92.69 km persegi) di Pengerang, Johor. Kawasan industri tersebut mula dibangunkan sejak 20123, menempatkan kemudahan seperti loji penapisan minyak, loji penghasilan petrokimia, terminal pengangkutan produk cecair, tangki-tangki penyimpanan minyak mentah dan produk petroleum cecair, loji penggasan semula (*re-gasification facility*) serta prasarana dan kemudahan sokongan lain.

Pembangunan PIPC dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 25 tahun dari tahun 2013 hingga 2037, dalam empat fasa. Sehingga pertengahan fasa kedua pembangunan PIPC (2020-2025), PIPC telah menerima pelaburan komited hampir RM140 bilion.

Antara pelabur pemangkin yang kini beroperasi di PIPC adalah PETRONAS yang memajukan Kompleks Bersepadu Pengerang (Pengerang Integrated Complex, PIC) bersama rakan-rakan usahasama seperti Saudi Aramco dan LG Chemical; DIALOG Group Berhad yang memajukan Pengerang Deepwater Terminals bersama rakan-rakan usahasama seperti Royal Vopak, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Johor; serta Johor Corporation yang memajukan Pengerang Industrial Park. Untuk fasa-fasa pembangunan PIPC seterusnya, JPDC mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat penghasil produk kimia khusus (*specialty chemicals*) dan pembuat produk berasaskan petrokimia.

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) adalah anak syarikat Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), kedua-duanya agensi Kerajaan Persekutuan melapor kepada Kementerian Ekonomi. Mandat JPDC termasuk menjadi agensi teraju untuk perancangan dan penyelarasan kerja-kerja pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC, mempromosi dan memudahcara pelaburan minyak dan gas hiliran dan petrokimia masuk ke PIPC, pembangunan kelompok tenaga kerja berkemahiran yang sedia untuk diambil bekerja oleh industri serta memudahcara penglibatan tenaga kerja dan usahawan atau perniagaan tempatan dalam pembangunan ekonomi di PIPC.

-TAMAT-

Kenyataan media oleh:

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)

Sekiranya ada pertanyaan lanjut, sila hantar e-mel kepada **Rofidah Azman**, Pengurus, Komunikasi Strategik di **wanrofidah@jpdc.gov.my**.